



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. Bil. 2014/05/19 (HQ)

### TNB ANJUR KEMPEN KESEDARAN KESALAMATAN KESEDARAN ELEKTRIK PERINGKAT NEGERI MELAKA

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat negeri Melaka pada hari ini yang dirasmikan oleh Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Abdul Halim Abdul Malik.

Program yang dilaksanakan setiap tahun sejak 2007 dengan mensasarkan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta. Pada tahun 2013, kumpulan sasaran telah beralih sementara kepada peneroka Felda di Seluruh Semenanjung atas perkembangan pesat sosio-ekonomi kumpulan itu.

Pada tahun 2014, fokus kumpulan sasaran beralih kembali kepada pelajar-pelajar sekolah. Buat julung kali peserta yang terlibat terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dari tingkatan 4 dan 5. Bagi sekitar Melaka Tengah, hampir 300 orang pelajar dan guru daripada lebih 33 buah sekolah terlibat dengan kempen hari ini.

Pengurus Besar Kanan (Senggaraan Aset), Bahagian Penghantaran TNB, Ir. Ho Peng Choong, dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan program ini adalah sebagai usaha jangka panjang untuk mengurangkan kecuaian akibat kemalangan elektrik.

"Apa yang dilakukan TNB merupakan satu Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik", tambah beliau.

Berdasarkan Statistik Kemalangan Elektrik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi tempoh tahun 2013, sebanyak **46** kes kemalangan elektrik telah berlaku di mana **18** kes maut manakala **28** kes tidak maut. Antara punca-punca utama kemalangan elektrik tersebut ialah pemasangan dan senggaraan yang tidak sempurna serta tidak mematuhi prosedur kerja yang selamat. Bagi negeri Melaka berjaya mencapai rekod sifar kemalangan maut berlaku dalam tempoh tersebut.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Ketua Kawasan (Negeri Sembilan dan Melaka), Suruhanjaya Tenaga, Ir. Md. Rasdi Abdullah.

**Dikeluarkan di Ayer Keroh, Melaka pada 6 Mei 2014**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit di talian 019-2662296 atau Maizatul Nadiyah Saadon di talian 017-381 6602 atau Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320*